

bah

NEGARA MAJU MESTI TANGGUNG BELANJA PELIHARA HUTAN TROPIKA

Mahathir - Hutan

Oleh Wan A. Hulaimi

I

LONDON, 2 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi penghormatan untuk muncul dalam satu program BBC mengenai Sidang Kemuncak Bumi malam tadi.

Dalam +Panorama+, rancangan ehwal semasa selama 40 minit yang disiarkan pada waktu utama, Perdana Menteri berkata negara-negara maju tidak boleh menganggap hutan tropika sebagai warisan bersama sekiranya mereka tidak sanggup membayar bagi pemeliharannya.

Kemunculan Dr Mahathir dalam program khas yang bertajuk +The South Strikes Back+ ialah sebagai jurucakap negara-negara Selatan.

Wartawan dalam program itu, Steve Bradshaw berkata Malaysia merupakan sebuah negara membangun yang +cukup mampu untuk mencabar sebarang tanggapan mengenai alam sekitar oleh Utara tentang bagaimana hendak menyelamatkan Bumi+.

Penonton-penonton British melihat Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin yang tegas dalam melindungi kepentingan negara-negara miskin di Selatan terhadap tindakan bersama negara-negara maju di Utara yang lebih berminat untuk memaksa mereka menanggung beban memelihara warisan semula jadi.

Dr Mahathir secara berterus-terang memberitahu penemuramahnyanya: +Banyak negara di Selatan terhutang budi kepada Utara. Kami agak bernasib baik sedikit kerana lebih bebas, kesemua mereka memberitahu kami supaya berkata perkara yang sama seperti yang saudara katakan kecuali...kami bergantung kepada bantuan dari Utara dan adalah tidak elok untuk bercakap perkara buruk mengenai negara pemberi bantuan, kerana bantuan kepada kami mungkin dihentikan. Tetapi sebenarnya semua menyokong kami+.-- Lagi

▼02/06/18-22MST

CNS8639

U GB 02-06 00220 BH274

bah

Mahathir - Hutan 2 (Akhir) London

+Jadi Tuan bercakap perkara yang sama yang negara-negara lain tidak buat?+ tanya Bradshaw yang sebelumnya menyifatkan Dr Mahathir sebagai +seorang ahli politik yang petah di Selatan+.

+Kami lakukannya, kami berkorban untuk mereka,+ jawab Dr Mahathir.

Pendapat Selatan telah dinyatakan dengan jelas oleh Dr Mahathir pada awal program itu yang menunjukkan sedutan daripada ucapannya di Persidangan Peringkat Menteri Negara-negara Membangun mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Kuala Lumpur April lepas.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata sekiranya negara-negara Utara yang kaya mengharapkan negara-negara miskin menanggung belanja bagi mewujudkan alam sekitar yang bersih, Sidang Rio akan menjadi sia-sia.

Dalam kata-kata pendahuluan satu lagi segmen temuramahnyanya dengan Dr Mahathir, Bradshaw berkata Malaysia mengakui bahawa hampir separuh daripada hutan tropika mereka yang masih ada mungkin akan dibalok menjelang akhir abad ini dan negara-negara Utara yang agak khuatir dengan dakwaan Malaysia yang ia mengamalkan pembalakan berterusan.

Kemuncak temuramah itu :

Bradshaw: +Tetapi bukankah hutan tropika adalah warisan bersama manusia sejagat?+

Dr Mahathir: +Tidak.+

Bradshaw: +Tidakkah dalam erti kata lain ia dimiliki oleh kita semua?+

Dr Mahathir: +Tidak. Ia bukan warisan bersama melainkan semua pihak sanggup menyumbang untuknya. Jika tidak, jangan pula harapkan kami saja yang menanggung. Ini tidak boleh jadi.+ -- Bernama

▼02/06/18-38MST

bah

Mahathir - Hutan 3 London (sambungan)

Mengulas mengenai persidangan Kuala Lumpur, Bradshaw berkata +Dr Mahathir telah diberikan gambaran sokongan politik yang aktif terhadap kes yang beliau mahu Selatan kemukakan di Rio, malah dari negara-negara yang kurang agresif seperti Brazil.+

Mengulas mengenai ucapan Dr Mahathir, seorang peserta dari Barbados, Mark Griffith, yang ditemuramah semasa persidangan berhenti rehat berkata, +Inilah jenis ucapan yang patut diberikan oleh pemimpin Dunia Ketiga. Dan saya fikir beliau telah banyak berusaha untuk mengukuhkan kedudukan negara Selatan yang harus dilakukan pada masa ini.+

Di Sarawak, krew Panaroma itu melawat dua kawasan Penan, satu kawasan penempatan semula manakala satu lagi di pinggir hutan.

Seorang anggota kaum Penan di kawasan penempatan semula berkata mereka lebih suka dengan cara hidup sekarang daripada menjalani hidup berpindah-randah manakala seorang ketua kampung kaum Penan di kawasan pinggir hutan pula berkata beliau lebih bergembira sekiranya para pemimpin dunia yang bersidang di Rio dapat menghentikan pembalakan di kawasanannya.

Ketika ditanya mengenai pendapatnya mengenai kempen Utara untuk menyelamatkan kaum Penan, Dr Mahathir berkata Utara seharusnya menjaga rumah tangga mereka sendiri dan berbuat sesuatu untuk menghentikan rakyatnya yang tidur di Hyde Park dan sesetengah penduduk kulit hitam daripada terus ditindas.-- Lagi

▼02/06/21-01MST

bah

Mahathir - Hutan 4 (Akhir) London

Ketika menjawab pertanyaan Bradshaw sama ada usaha menggunakan isu alam sekitar untuk menyelamatkan kaum Penan sebagai satu bentuk baru penjajahan, Dr Mahathir berkata +Ya, ianya sama memandangkan timbulnya minat secara mendadak mengenai hak asasi manusia, soal demokrasi dan sebagainya - satu minat untuk mengajar orang yang mundur tentang cara-cara terbaik untuk hidup+.

Dr Mahathir, menampelas negara-negara Utara dengan berkata +oleh kerana kebanyakan negara yang akan menghadiri persidangan mengenai hutan itu tidak mempunyai hutan, negara-negara itu akan bercakap mengenai hutan negara-negara membangun dan bukan hutan mereka.

+Ia membuang masa kami,+ katanya.

Bradshaw: +Baik, ia mungkin membuang masa negara membangun tetapi masa depan Bumi kini berada dalam bahaya, bukankah begitu?+

Dr Mahathir: +Masa depan Bumi berada dalam bahaya tetapi kami tidak seharusnya dipertanggungjawabkan+.-- Bernama